

TARIKH	9 / 5 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	L-20	RUANGAN	Negara

## Program pengajian Sijil Pembimbing Ibadat Haji

**TAMAT.** Seramai 45 peserta mengikuti program pengajian Sijil Pembimbing Ibadat Haji anjuran bersama Lembaga Tabung Haji (TH) dan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai,

Negeri Sembilan baru-baru ini.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) USIM, Prof. Dr. Hajah Mustafa Mohd. Hanefah berkata, program itu merupakan hasil usaha sama yang terjalin antara USIM dan Lembaga Tabung Haji sejak tahun 2010.

"Program pengajian itu telah melahirkan ramai pembimbing ibadat haji di Tanah Suci yang berpengetahuan tinggi dalam bidang

pengajian ibadat haji melalui pembelajaran yang sistematik.

"Saya berharap semua peserta menghayati semua ilmu, maklumat dan kemahiran yang diperolehi seterusnya mampu membimbing bakal

jemaah dengan berkesan," katanya ketika merasmikan majlis penutup program tersebut.

Turut hadir Pengurus Besar Kanan (Haji) TH, Datuk Syed Saleh Syed Abdul Rahman.

TARIKH	9 / 5 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	6-20	RUANGAN	Negara



SEBAHAGIAN daripada peserta program pengajian Sijil Pembimbing Ibadat Haji bergambar selepas menamatkan kursus di USIM, Nilai, Negeri Sembilan baru-baru ini.